

Petronas sumbang cecair pembersih tangan kepada rumah warga emas, sekolah di Sabah dan Labuan

KOTA KINABALU: Petronas melalui cabang tanggungjawab sosial korporat (CSR) Yayasan Petronas menyumbang 4,650 liter cecair pembersih tangan kepada 18 buah sekolah di Sabah dan Labuan serta sebuah rumah warga emas di Tuaran bagi membantu mencegah jangkitan COVID-19.

Sebanyak 50 liter daripada jumlah itu telah disampaikan kepada rumah warga emas The Hope Village semalam manakala selebihnya akan disampaikan kepada lima sekolah di Tuaran, enam di Kimanis, tiga di Sipitang dan empat di Labuan apabila sekolah ini dibuka semula.

Pengurus Besar Petronas Sabah dan Labuan Rokiah Sulaiman berkata, sumbangan ini adalah sebahagian daripada program CSR pihaknya yang sedang berlangsung di Sabah dan Labuan.

"Untuk kali ini, ia melibatkan sekolah-sekolah dan rumah warga emas di sekitar kawasan operasi kami," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif

The Hope Village Clarence Fu Tze Kong berkata, sumbangan oleh Petronas ini sangat membantu pihaknya.

"Walaupun kami masih ada bekalan pembersih tangan, jumlahnya terhad. Dengan sumbangan ini, bekalan kami untuk tiga bulan akan datang akan terjamin," katanya.

The Hope Village yang terletak tidak jauh dari operasi Petronas di Terminal Gas Sabah di Kg Gayang, ditubuhkan pada tahun 2015 dan ketika ini mempunyai 43 penghuni berusia antara 51 dan 97 tahun.

Fu berkata pengurusan rumah warga emas itu amat menitikberatkan kebersihan seperti amalan kerap membasuh tangan, menggunakan pembersih tangan serta mengamalkan penjarakan sosial dalam kalangan penghuni bagi mengelak kemungkinan jangkitan.

Cecair pembersih tangan itu adalah sebahagian daripada RM20 juta sumbangan Yayasan Petronas dalam bentuk peralatan perubatan kepada hospital dan petugas kesihatan barisan hadapan



SUMBANGAN: Kakitangan The Hope Village mengisi cecair pembasmi kuman dalam dispenser.

